



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERBANDINGAN PELAKSANAAN GAYA BAHASA
DAN SENI BAHASA DALAM PENGAJARAN BAHASA
MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NUR ZAKIRAH BINTI MAT RAHIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PERBANDINGAN PELAKSANAAN GAYA BAHASA DAN SENI BAHASA
DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH MENENGAH**

NUR ZAKIRAH BINTI MAT RAHIM



**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023





PERAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan kertas projek tahun akhir ini telah dihasilkan oleh saya sendiri kecuali nukilan, petikan mahupun ringkasan yang telah saya petik mahupun ambil daripada tokoh yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Tandatangan

:

Nama

: Nur Zakirah Binti Mat Rahim

No. Matrik

: D20191087744

Tarikh

: 23 Februari 2023



PENGESAHAN

Kertas projek akhir ini diterima oleh Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada syarat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian.

Tandatangan:

Pensyarah Penyelia,



Dr. Ariff bin. Mohamad,

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tarikh:





PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan laporan Projek Tahun Akhir yang bertajuk “Perbandingan Pelaksanaan Gaya Bahasa Dan Seni Bahasa Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Kepada Pelajar” ini dengan jayanya. Laporan penyelidikan ini dilaksanakan bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan segulung Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian. Pelbagai cabaran dan rintangan yang telah dihadapi sepanjang menyiapkan kertas projek ini. Namun begitu, syukur kepada Allah s.w.t kerana telah memberikan saya kesempatan, nikmat kesihatan, ketabahan serta kesabaran yang tinggi dalam proses menyiapkan penyelidikan ini mengikut masa yang telah ditetapkan.

Pertama sekali, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada keluarga tercinta saya terutama Abah dan kakak saya yang selalu mendukung dan memberikan semangat kepada saya sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga dalam ingatan buat arwah bonda saya yang telah kembali ke Rahmatullah, merupakan antara insan yang sebelum ini memimpin saya untuk memilih pengajian dalam dunia pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Titipan pesanan daripada arwah bonda memimpin saya untuk terus bersemangat dan kuat serta bersabar dalam menyiapkan penyelidikan akhir ini. Hal ini telah mendorong saya untuk terus lebih bersemangat dalam menjayakan penyelidikan ini, meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran sewaktu semester pengajian ini. Tanpa bimbingan, dorongan dan nasihat yang berpanjangan daripada mereka, sudah tentu saya tidak dapat menyiapkan projek ini dengan sebaiknya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ariff bin Mohamad, selaku pensyarah penyelia yang banyak memberikan bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang berguna dalam menyiapkan penyelidikan ini. Pelbagai nasihat dan kata-kata semangat telah diberikan beliau sepanjang proses menyiapkan kertas projek ini. Hal ini telah mendorong saya untuk terus lebih bersemangat dalam menjayakan penyelidikan ini, meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran sewaktu berada pada semester yang terakhir. Tanpa bimbingan dan dorongan daripada beliau, sudah tentu saya tidak dapat menyiapkan projek ini dengan sebaiknya. Jadi, segala ilmu yang dikongsikan oleh beliau amatlah saya hargai.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu dan memberi sokongan yang padu sepanjang menjayakan projek ini. Tanpa kerjasama kalian, penyelidikan ini tidak dapat disiapkan mengikut masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Nur Zakirah Binti Mat Rahim

D20191087744

Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
v

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis pelaksanaan gaya bahasa, dan seni bahasa berpandukan Teori Konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pandangan guru terhadap pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar sekolah menengah. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan menggunakan kaedah persampelan iaitu daripada responden seramai 56 orang iaitu pelajar tingkatan 4 dan 5 serta seorang guru Bahasa Melayu. Kajian ini hanyalah dijalankan di sebuah sekolah sahaja iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Laut di negeri Kelantan. Kaedah data dikumpul daripada responden adalah secara kaedah soal selidik melalui borang soal selidik yang diberikan kepada 55 orang pelajar dan kaedah temu bual kepada seorang guru Bahasa Melayu. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa pada pandangan pelajar iaitu dari segi tahap pemahaman, penguasaan dan keseronokan berada pada tahap yang positif apabila kebanyakan pelajar bersetuju dengan beberapa item soalan yang telah pengkaji tetapkan dalam borang soal selidik. Manakala bagi objektif kedua pula, ia menunjukkan bahawa pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa berada pada tahap yang sederhana sahaja kerana kedua-dua aspek ini kurang ditekankan di sekolah. Pengkaji berharap kajian berkaitan gaya bahasa dan seni bahasa dapat diperluaskan lagi bagi mengatasi masalah penurunan pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran.



Kata Kunci: Gaya bahasa, Seni Bahasa, Pengajaran Bahasa Melayu, Teori Konstruktivisme.





ABSTRACT

This study aims to analyze the implementation of language style, and language guided by Constructivism Theory in the teaching of Malay to secondary school students. In addition, this study aims to describe teachers' views on the implementation of language style and language arts in teaching Malay to secondary school students. This study is quantitative in nature and uses a sampling method which is from a total of 56 respondents who are 4th and 5th grade students and a Malay language teacher. This study was only conducted in one school only, which is *Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Laut* in the state of Kelantan. The method of data collection from respondents is through a questionnaire method through a questionnaire given to 55 students and an interview method to a Malay teacher. The findings show that the implementation of language style and language arts from the students' point of view, in terms of the level of understanding, mastery and enjoyment is at a positive level when most students agree with some of the question items that the researcher has set in the questionnaire. As for the second objective, it shows that the implementation of language style and language arts is only at a moderate level because these two aspects are less emphasized in school. The researcher hopes that studies related to language style and language arts can be further expanded to overcome the problem of the decline in the implementation of language style and language arts in teaching.



Keywords: Language style, Language Arts, Malay Language Teaching, Constructivism Theory.





SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN.....	ii
PENGESAHAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ABSTRAK.....	vi
ABSTRACT.....	vii
SENARAI KANDUNGAN.....	viii
SENARAI RAJAH.....	xv
SENARAI CARTA.....	xvi
SENARAI JADUAL.....	xvii
SENARAI LAMPIRAN.....	xviii
SENARAI SINGKATAN.....	xix

BAB 1	PENGENALAN.....	1
1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	2
1.2.1	Pengajaran Bahasa Melayu.....	2
1.2.2	Seni Bahasa.....	3
1.2.3	Gaya Bahasa.....	4
1.2.4	Teori Konstruktivisme.....	4



1.3	Pernyataan Masalah.....	5
1.4	Tujuan Kajian.....	7
1.5	Objektif Kajian.....	8
1.6	Soalan Kajian.....	8
1.7	Kerangka Kajian.....	8
1.8	Batasan Kajian.....	10
1.8.1	Lokasi.....	10
1.8.2	Responden	10
1.8.3	Elemen Fokus.....	10
1.9	Kepentingan Kajian.....	11
1.10	Kesimpulan.....	12

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR.....13

2.1	Pendahuluan.....	13
2.2	Kajian Lepas.....	14
2.2.1	Pengajaran Kurikulum Bahasa Melayu.....	14
2.2.2	Kajian Aspek Gaya Bahasa.....	18
2.2.3	Kajian Aspek Seni Bahasa.....	19
2.2.4	Kajian Aspek Teori Konstruktivisme.....	19
2.3	Kesimpulan.....	22

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....23

3.1 Pendahuluan.....23

3.2 Kerangka Teori.....24

3.2.1 Kerangka Kajian.....25

3.3 Kaedah Kajian.....26

3.3.1 Kaedah Kepustakaan.....26

3.3.2 Kaedah Soal Selidik.....26

3.3.3 Kaedah Temu Bual.....26

3.4 Reka Bentuk Kajian.....27

3.5 Sampel Kajian.....28

3.6 Instrumen Kajian.....28

3.6.1 Borang Soal Selidik.....28

3.6.2 Alat Perakam.....29

3.7 Prosedur Mengumpul Data.....29

3.8 Kesimpulan.....33

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....34

4.1 Pendahuluan.....34

4.2 Maklumat Diri Responden.....36



4.2.1	Jantina.....	36
4.2.2	Tingkatan.....	36
4.3	Perbandingan Pelaksanaan Seni Bahasa dan Gaya Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu.....	38
Bahagian A: Gaya Bahasa		
4.3.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S1</i>	39
4.3.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S2</i>	41
4.3.3	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S3</i>	43
4.3.4	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S4</i>	45
4.3.5	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S5</i>	47
4.3.6	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S6</i>	49
4.3.7	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden	





Gaya Bahasa <i>S7</i>	51
-----------------------------	----

Bahagian B: Seni Bahasa

4.3.8 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S1</i>	53
-----------------------------	----

4.3.9 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S2</i>	54
-----------------------------	----

4.3.10 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S3</i>	56
-----------------------------	----

4.3.11 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S4</i>	57
-----------------------------	----

4.3.12 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S5</i>	59
-----------------------------	----

4.3.13 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S6</i>	60
-----------------------------	----

4.3.14 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden

Seni Bahasa <i>S7</i>	61
-----------------------------	----

4.4 Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan Gaya Bahasa dan

Seni Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu Kepada



Pelajar Sekolah Menengah.....64

4.4.1 Soalan Temu Bual Berkaitan Pandangan Guru

Terhadap Pelaksanaan Gaya Bahasa dan Seni

Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu Kepada

Pelajar Sekolah Menengah.....64

4.4.2 Transkripsi Temu Bual Bersama Guru.....64

4.4.3 Penganalisan Temu Bual Bersama Responden S1.....67

4.4.4 Penganalisan Temu Bual Bersama Responden S2.....69

4.4.5 Penganalisan Temu Bual Bersama Responden S3.....70

4.4.6 Penganalisan Temu Bual Bersama Responden S4.....71

4.4.7 Penganalisan Temu Bual Bersama Responden S5.....72

4.5 Kesimpulan.....73

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN.....74

5.1 Pendahuluan.....74

5.2 Kesimpulan Kajian.....75

5.3 Implikasi Kajian.....77

5.4 Cadangan dan Kajian Lanjutan.....78

5.4.1 Cadangan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia...78



5.4.2	Cadangan Kepada Guru-Guru Bahasa Melayu.....	78
5.4.3	Cadangan Kepada Pelajar.....	80
5.4.4	Cadangan Kepada Pentadbir Sekolah.....	81
5.4.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	81
5.5	Kesimpulan.....	82

BIBLIOGRAFI.....	84
-------------------------	-----------

LAMPIRAN.....	87
----------------------	-----------





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Halaman

1.7	Kerangka Konseptual	8
3.2.1	Kerangka Kajian Perbandingan Pelaksanaan Gaya Bahasa dan Seni Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu	25





SENARAI CARTA

No. Carta

Halaman

4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	34
4.2	Taburan Responden Mengikut Tingkatan	36



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	36
4.2 Taburan Responden Mengikut Tingkatan	37
4.3.1 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S1</i>	39
4.3.2 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S2</i>	41
4.3.3 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S3</i>	43
4.3.4 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S4</i>	45
4.3.5 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S5</i>	47
4.3.6 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S6</i>	49
4.3.7 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Gaya Bahasa <i>S7</i>	51
4.3.8 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S1</i>	53
4.3.9 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S2</i>	54
4.3.10 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S3</i>	56
4.3.11 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S4</i>	57
4.3.12 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S5</i>	59
4.3.13 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S6</i>	60
4.3.14 Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Seni Bahasa <i>S7</i>	61



SENARAI LAMPIRAN

Nama Lampiran

Halaman

Borang Soal Selidik Untuk Pelajar Tentang Perbandingan Pelaksanaan Seni Bahasa Dan Gaya Bahasa Dalam Pengajaran Bahasa Melayu (Tingkatan 4 Dan 5)	87
Soalan Temu Bual Guru berkaitan Pandangan Guru Terhadap Pelaksanaan Gaya Bahasa dan Seni Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu Kepada Pelajar Sekolah Menengah	93



**SENARAI SINGKATAN**

S1	Soalan 1
SK	Sukatan Kandungan
SP	Sukatan Pembelajaran
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
GB	Gaya Bahasa
SB	Seni Bahasa
R	Responden
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
Komsas	Komponen Sastera
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
SPSS	Statistical Package for Social Science
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SMKKL	Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Laut
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21





BAB 1



PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan secara menyeluruh mengenai kajian yang akan dijalankan. Seterusnya, dalam bab ini juga akan diuraikan beberapa subtopik dengan terperinci seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, dan soalan kajian. Dalam pada itu, bab ini turut membincangkan mengenai kerangka kajian serta definisi operasional kajian.



1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian ini akan menerangkan mengenai latar belakang gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu dan juga berkaitan teori Konstruktivisme. Penerangan bagi ketiga-tiga komponen ini penting kerana dalam kajian ini akan diterangkan mengenai perbandingan pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu yang kemudiannya dikaitkan dengan Teori Konstruktivisme bagi melihat perkaitannya di samping melihat tahap keberkesanannya kepada pelajar sekolah menengah.

1.2.1 Pengajaran Bahasa Melayu

Menurut Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud dan Mahzan Awang (2019) dalam kajiannya iaitu berkenaan *Penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah realiti dan cabaran di sekolah pelbagai teknik*, menyatakan bahawa dalam sistem pendidikan kebangsaan, Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun peringkat sekolah menengah (Chew Fong Peng 2016). Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di institusi pendidikan dalam sistem pendidikan kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada sub-seksyen ini (Akta Pendidikan 1996). Masa yang diperuntukkan untuk belajar bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan ialah 160 jam setahun bagi Tahap 1 manakala bagi Tahap 2 adalah 128 jam setahun (Surat Pekeliling Ikhtisas KPM, Bil 8 Tahun 2016). Masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan pula ialah 128 jam setahun. Bagi kelas peralihan, Bahasa Melayu perlu diajar 277 jam setahun (Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil 9 Tahun 2016).

Pengajaran Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan kemudian melalui zaman Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada 1980-an. Selanjutnya, pelaksanaan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) pada 2011 dan KSSM (Kurikulum Standard Sekolah



Menengah) mulai tahun 2017 telah membawa perubahan yang penting kepada penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM2013-2025) memberi fokus kepada pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan iltizam untuk melahirkan murid dengan kemahiran dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Melalui KSSM ini, ia berfokuskan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian. Pengajaran Bahasa Melayu yang berpandukan KSSM yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) telah memfokuskan kepada lima kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar yang mempelajari subjek Bahasa Melayu iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahira seni bahasa dan kemahiran tatabahasa.



1.2.2 Seni Bahasa



Seni Bahasa merupakan konsep yang terdiri daripada dua perkataan, iaitu seni dan bahasa. Seni merujuk kepada bentuk teks yang penuh dengan nilai keindahan dan boleh disampaikan dalam bentuk yang menyeronokkan seperti nyanyian, lakonan dan deklamasi. Manakala bahasa pula, merujuk kepada elemen yang terdapat dalam bentuk nahu atau tatabahasa. Jadi, seni bahasa merupakan bentuk pembelajaran bahasa yang menjadi pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan kepada pelajar di sekolah. Selain itu, guru juga perlu menjalankan pengajaran dan pembelajaran sambil berhibur agar isi kandungan mata pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan.

Aspek seni bahasa merujuk kepada keupayaan murid dalam memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks pendekatan didik hibur. Seni bahasa menampilkan keindahan bahasa dari segi pembentukan gaya bahasa, khususnya ayat yang menggunakan unsur simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personifikasi yang terdapat





dalam teks yang dibaca. Pembelajaran seni bahasa ini dapat melahirkan murid yang menguasai kemahiran lisan dan penulisan dengan baik.

1.2.3 Gaya Bahasa

Gaya bahasa merupakan gaya dalam karya penulisan kreatif ataupun dalam pengajaran gaya bahasa dalam karya penulisan bukan kreatif. Penggunaan gaya bahasa dalam kedua-dua elemen ini membantu untuk menjadikan sesebuah karya itu kelihatan sempurna, hidup dan mampu menarik minat masyarakat. Gaya bahasa turut diterapkan dalam pengajaran di sekolah terutama dalam pembelajaran Bahasa Melayu iaitu bagi Komponen Sastera (Komsas). Gaya bahasa dalam pendidikan di sekolah dapat dijumpai dalam karya penulisan seperti prosa dan puisi tradisional dan moden. Kesemua bahan ini terkandung di dalam sekolah menengah iaitu bagi tingkatan satu hingga lima. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005b: 9), secara umumnya gaya bahasa yang bermacam-macam yang terdapat dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif itu dapat dikelompokkan kepada lima jenis, iaitu gaya bahasa perbandingan, pertentangan, pengulangan, pertautan, dan penyirnaan.

Gaya bahasa yang merupakan kepelbagaian gaya dalam penyampaian penulisan karya menjadi medan utama dalam pengajaran Komsas perlu dikuasai oleh setiap guru bahasa Melayu bagi memudahkan proses pengajaran Komsas. Pengajaran gaya bahasa kepada pelajar sekolah menengah dengan baik oleh guru dapat membantu pelajar untuk menggunakan bahasa dengan baik mengikut situasi yang dialami oleh mereka di samping dalam usaha untuk memastikan setiap pelajar menghasilkan dan menggunakan bahasa yang baik dan indah sewaktu berkomunikasi.

1.2.4 Teori Konstruktivisme

Menurut Jean Piaget (1976), dalam bukunya 'To Understand is to Invent: The Future of Education' mengatakan bahawa konsep konstruktivisme merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menerangkan cara manusia belajar dengan cara pengetahuan disusun dalam minda manusia. Menurut Abdul Jalil dan Bahtiar (2005), Teori konstruktivisme membantu murid membina makna mengenai





dunia dengan mensintesis pengalaman baru terhadap perkara yang mereka telah fahami sebelumnya. Prinsip konstruktivisme menjelaskan tentang ilmu pengetahuan yang dibina secara aktif oleh setiap individu berasaskan pengalaman yang dilaluinya.

Penggunaan teori konstruktivisme sangat penting kerana ia amatlah dominan dalam pendidikan masa kini kerana menyediakan perubahan paradigma kepada pendekatan yang lebih berasaskan kognitif berbanding pendekatan tradisional yang lebih kepada behaviourisme. Pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan merupakan satu inovasi tentang gaya pengajaran dan pembelajaran pada masa kini dengan menekankan peranan murid yang utamanya dan guru hanyalah sebagai pembimbing sahaja. Murid diberi peluang untuk membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaharu.

Menurut Vighnarajah, Wong Su Luan dan Kamariah (2008), guru yang menggunakan pendekatan teori konstruktivisme ini dapat mengaktifkan murid dalam penglibatan proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan konstruktivisme sangat penting dalam proses pembelajaran kerana murid digalakkan membina konsep sendiri dan menghubungkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada pada mereka. Dalam hal ini, sekali gus murid dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai pelaksanaan pembelajaran gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah. Hasil daripada beberapa penelitian kajian, pembelajaran gaya bahasa dan seni bahasa di sekolah telah berlakunya penurunan tahap minat dalam kalangan pelajar kerana telah mengatakan kedua-dua elemen ini amat sukar iaitu dari segi pemahaman pelajar di samping merasakan bahawa ia tidak mempunyai kepentingan untuk dipelajari oleh mereka kerana adanya penggunaan bahasa sastera yang tidak menarik serta memerlukan pembacaan yang panjang untuk mendapatkan pengisian karya itu.





Di samping itu juga, pelajar menghadapi masalah dalam mempelajari seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu apabila kaedah pengajaran yang dihasilkan oleh guru itu masih bersifat tradisional dan tidak fleksibel dengan pengisiannya. Ini kerana, pengisian gaya bahasa dan seni bahasa ia lebih kepada beberapa karya penceritaan dengan penggunaan bahasa yang indah di samping diselitkan dengan pembelajaran ke arah keseronokan kepada pelajar kerana terdapatnya beberapa karya yang boleh dilakukan dalam bentuk aktiviti yang menarik. Menurut Shamsudin Othman, Ghazali Lateh dan Nurul Faidzah Ab. Hadi, (2014) dalam kajiannya berkaitan penggunaan gaya bahasa sastera di sekolah menengah turut menekankan bahawa guru tidak memainkan peranan yang sebaiknya, iaitu guru hanyalah sekadar membacakan setiap pengisian karya itu dari segi tema, nilai dan lain-lain yang akan mendatangkan kebosanan kepada pelajar untuk mempelajarinya dengan lebih lanjut.

Ini akan memberi kesan kepada tahap pemahaman pelajar terhadap pembelajaran gaya bahasa dan seni bahasa seperti pembelajaran aspek gaya bahasa, tema, nilai dan pengajaran yang terdapat dalam sesuatu karya itu. Pembelajaran gaya bahasa dan seni bahasa merupakan pembelajaran yang amat sarat dengan keseronokan sekiranya ia dihayati serta dipraktikkan dengan baik oleh guru dan para pelajar. Sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dan gaya bahasa ini diteruskan dengan pembelajaran secara tradisional dengan tidak adanya pendekatan pembelajaran yang seronok dan menarik kepada pelajar di dalam bilik darjah, ia akan mendatangkan kesan negatif kepada tahap pencapaian pelajar serta akan terus menyebabkan berlakunya penurunan tahap minat pelajar dalam mempelajari kedua-dua aspek yang sebenarnya memberi kesan yang positif kepada mereka.

Selain itu juga, menurut Anisah (2009), para pelajar didapati lemah berfikir dalam pembelajaran gaya bahasa dan seni bahasa atas faktor luaran dan dalaman iaitu dari aspek faktor dalaman, pelajar bersikap pasif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutama dalam aspek seni bahasa. Ini kerana, mereka tidak menunjukkan minat dalam mempelajari aspek ini dan tidak gemar membaca karya sastera, memahami pengisiannya selain pengaruh rakan sebaya. Sebaliknya, mereka hanya akan membaca karya sastera sekiranya disuruh oleh guru di dalam kelas. Manakala dari aspek luaran pula, para guru didapati kekurangan pengetahuan dalam





menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi ilmu seni bahasa dan gaya bahasa kerana ia bukan pengkhususan dalam bidang itu (Chew Fong Peng, 2006). Sikap pihak sekolah yang hanya mementingkan pelajar dengan peperiksaan juga menyebabkan pengisian dan teknik pengajaran dalam pembelajaran gaya bahasa dan seni bahasa tidak dijalankan dengan baik, sebaliknya hanyalah berfokuskan untuk peperiksaan dan menghabiskan sukatan pelajaran.

Terdapat banyak masalah yang ditemui berkaitan dengan pengajaran gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu yang menjadi medan utama kepada berlakunya masalah ini. Masalah-masalah dalam kajian yang dijumpai pada beberapa tahun lepas telah menunjukkan masalah ini masih lagi berlaku pada masa kini. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti pengajaran gaya bahasa dan seni bahasa di sekolah pada masa kini iaitu dari segi penilaian dan penelitian daripada guru dan maklumat daripada para pelajar yang berkaitan. Pengkaji juga berharap kajian pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar dapat menjawab permasalahan yang telah dinyatakan.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini juga adalah berfokuskan untuk melihat keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran berkonsepkan kreatif dan inovasi dalam pelaksanaan pengajaran elemen seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar dengan proses penelitian kaedah pengajaran itu dijalankan oleh guru di dalam kelas sewaktu mengajarkan tentang pengajaran Bahasa Melayu menggunakan aspek seni bahasa dan gaya bahasa. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat dan menilai kesan atau tahap pemahaman dan minat pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang turut menerapkan elemen seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran menggunakan teknik pengajaran berkonsepkan kreativiti dan keseronokan dalam belajar.




1.5 Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini akan memfokuskan mengenai pelaksanaan pengajaran seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah di samping melihat perbandingan dan keberkesanaan pelaksanaan kedua-dua elemen ini kepada pelajar. Oleh itu, objektif bagi kajian yang akan dijalankan ini adalah bertujuan untuk:

- i. Menganalisis pelaksanaan gaya bahasa, dan seni bahasa berpandukan Teori Konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar sekolah menengah.
- ii. Menghuraikan pandangan guru terhadap pelaksanaan gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar sekolah menengah.

- i. Apakah perbandingan perlaksanaan gaya bahasa, dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar sekolah menengah?
- ii. Apakah nilai pandangan guru terhadap pelaksanaan gaya bahasa, dan seni bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar sekolah menengah?

1.7 Kerangka Konseptual





Rajah 1: Kerangka Konseptual

Berdasarkan rajah 1.1, dapat dilihat bahawa pengajaran Bahasa Melayu merupakan antara faktor utama kepada penerapan elemen tambahan seperti seni bahasa dan gaya bahasa kepada pelajar dalam mempelajari subjek Bahasa Melayu. Pengajaran Bahasa Melayu merangkumi kelima-lima kemahiran dalam bahasa Melayu turut menggabungkan aspek seni bahasa dan gaya bahasa kepada pelajar di dalam kelas bagi membolehkan setiap pelajar dapat menguasai kesemua elemen dengan baik di samping dapat belajar dalam keadaan seronok di dalam kelas. Penerapan elemen gaya bahasa dan seni bahasa terutama sewaktu guru menggunakan buku teks Bahasa Melayu turut merangkumi cerpen, petikan novel, sajak, syair dan banyak lagi bahan sastra yang merupakan sebahagian daripada kemahiran seni bahasa dan aspek gaya bahasa. Kesemua pengisian ini akan didedahkan oleh guru sewaktu sesi pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar dan ia lagi memudahkan proses pengajaran kerana setiap karya sastra itu mempunyai gaya bahasa yang tersendiri.



Penyerapan seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar dengan lebih baik iaitu seronok dan mudah difahami serta memastikan penerapan kedua-dua aspek ini diajarkan oleh guru dengan cara yang kreatif di dalam kelas boleh diwujudkan dengan menghubungkaitkan dengan teori Konstruktivisme yang merupakan teori keseronokan kepada pelajar dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas iaitu mewujudkan perkara baharu dalam pembelajaran lama pelajar bagi memudahkan dan tingkatkan tahap pemahaman pelajar dalam mempelajari gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, prinsip Teori Konstruktivisme yang memfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar, mementingkan idea lama dan baharu pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas akan dapat dijayakan dengan baik.





1.8 Batasan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan batasannya yang tersendiri. Batasan ini bertujuan bagi pengkaji menjalankan kajian secara terkawal dan memastikan setiap sampel kajian ini tidak terganggu. Antara batasan kajian yang telah dihadkan ialah:

1.8.1 Lokasi

Kajian ini hanya dijalankan terhadap satu buah sekolah menengah sahaja dan memfokuskan dua kelas iaitu tingkatan empat dan lima, iaitu di negeri Kelantan kerana pengkaji ingin melihat proses pengajaran gaya bahasa dan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu di dalam kelas itu. Di samping melihat keberkesanannya kepada pelajar.

1.8.2 Responden

Kajian ini hanya dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan guru di sekolah yang terbabit sahaja iaitu pelajar dari tingkatan 4 dan 5, manakala guru bahasa Melayu daripada tingkatan 4 dan 5. Pengkaji memilih 55 orang responden dan 1 orang guru yang mengajar bahasa Melayu. Data ini akan dikumpul melalui soal selidik dan temu bual yang akan dijalankan semasa prosesnya bermula secara berperingkat. Masa yang ditetapkan adalah berbeza kerana ia akan memudahkan pengkaji untuk menganalisis data secara berperingkat.

1.8.3 Elemen fokus

Pengkaji akan menjalankan kajian ke atas proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas sewaktu pengajaran Bahasa Melayu dijalankan. Fokusnya ialah kepada elemen seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu.





1.9 Kepentingan Kajian

Impak daripada kajian ini akan mendedahkan tentang faedah pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu yang digabungkan dengan kemahiran seni bahasa dan gaya bahasa yang bersifat keseronokan kepada para pelajar melalui aktiviti penceritaan, aktiviti puisi dan banyak lagi yang akan meningkatkan tahap keseronokan dan pemahaman dalam diri pelajar sewaktu mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu. Kepentingan kajian ini juga akan mendatangkan banyak faedah kepada masyarakat teutamanya guru untuk melakukan inovasi dalam setiap pengajaran Bahasa Melayu yang digabungkan dengan elemen seni bahasa dan gaya bahasa yang menarik untuk didedahkan kepada pelajar ke arah keseronokan yang bervariasi dan bersifat fleksibel mengikuti kesesuaian bahan terutama pengisian dalam buku teks itu.

Penerapan pengajaran keseronokan dalam pengajaran bahasa Melayu melalui pendedahan gaya bahasa dan seni bahasa yang mempunyai pengisiannya yang pelbagai kepada pelajar akan membantu guru untuk mengadakan aktiviti yang akan mendatangkan keseronokan kepada pelajar di dalam kelas di samping memastikan kemahiran seni bahasa dan gaya bahasa diterapkan dalam diri pelajar. Hasil kajian ini yang memfokuskan kepada pendekatan pengajaran Bahasa Melayu ke arah keseronokan akan dapat membantu meningkatkan tahap pemahaman pelajar serta meningkatkan tahap minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu yang secara tidak langsung dapat menyelesaikan isu yang sering diperkatakan oleh pelajar terutamanya iaitu pengajaran Bahasa Melayu menyukarkan pelajar kerana melibatkan pendedahan dan pengisian yang padat di samping isu kemahiran seni bahasa dan aspek gaya bahasa yang pada masa kini kurang diberi perhatian dalam pendidikan kerana ia merupakan suatu pembelajaran yang membosankan dan amat sulit untuk dipelajari. Kepentingan kajian ini juga dapat meningkatkan pengamatan bahasa dan nilai murni yang lebih baik dalam kalangan pelajar yang menjadi objektif utama dalam pembelajaran Bahasa Melayu.





1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat keberkesanan pelaksanaan pengajaran seni bahasa dan gaya bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar di samping untuk meneliti tahap pembelajaran, pemahaman dan keseronokan dalam mempelajarinya dalam kalangan pelajar.

